

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 27 DISEMBER 2014 (SELASA)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Laman web MAS diceroboh	KOSMO
2.	Laman web MAS jadi sasaran penggodam	Sinar Harian
3.	Laman sesawang MAS tidak digodam	BERNAMA
4.	MAS website hacked	The Sun
5.	MAS website hacked by group with 'links to IS'	New Straits Times
6.	Hackers thumb noses at MAS denial	The Malay Mail
7.	Polis siasat hubungan Lizard Squad dengan kumpulan militan	KOSMO
8.	Mangsa banjir di Sabah, Sarawak terus menurun	BERNAMA
9.	Pegawai Jabatan Kimia maut kemalangan	Utusan Malaysia
10.	Ajal juruanalisis kimia langgar bas	Harian Metro
11.	Keputusan rayuan kes liwat Anwar ditetapkan 10 Feb	BERNAMA

KERATAN AKHBAR
KOSMO (NEGARA) : MUKA SURAT 2
TARIKH : 27 JANUARI 2015 (SELASA)

Penjenayah maya daripada kumpulan Khalifah Siber dakwa godam data penumpang
Laman web MAS diceroboh

Oleh AHMAD SHAHERMAN SHAMSURI, MALINDA ABDUL MALIK dan NORAINI HASAN BASRI
 shaherman.shamsuri@kosmo.com.my

KUALA LUMPUR - Ribuan pelanggan syarikat Penerbangan Malaysia (MAS) di seluruh dunia semalam terkejut apabila laman web rasmi syarikat itu, www.malaysiaairlines.com digodam penjenayah siber Lizard Squad yang menganggotai satu kumpulan dikenali sebagai Cyber Caliphate atau Khalifah Siber.

Serangan 1 jam 45 minit itu bermula pukul 10 pagi dengan penggoda pada 25 minit pertama meletakkan gambar sebuah pesawat Airbus A380 dimiliki MAS pada paparan utama laman web berkenaan.

Selepas itu, penggoda itu menukar gambar pesawat tersebut dengan gambar seekor cicak memakai sut hitam dan tertera satu mesej iaitu *404-Plane Not Found, Hacked by Lizard Squad*.

Laman web MAS pulih pada pukul 10.45 pagi sebelum digodam semula pukul 12 tengah hari dan berakhir pukul 1 petang.

Ekoran serangan siber itu menyebabkan gangguan kepada pelanggan MAS yang mahu berurusan dengan syarikat itu terutama bagi membuat tempahan tiket penerbangan.

Kumpulan penggoda terbabit turut memberikan akaun Twitter untuk menghubungi mereka iaitu @umgrobert dan @umg_chris dengan turut memberikan beberapa nama seperti Lizard Squad, Ugnazi, Nathan Nye dan Henry Blair Strater.

Wartawan *Kosmo!* yang memantau laman web MAS mendapati laman web itu dipulihkan pada pukul 1 petang namun beberapa pautan pada paparan utama hanya mampu berfungsi semula selepas pukul 9 malam tadi.

Sementara itu, MAS dalam satu kenyataan memberitahu, syarikat itu mengesahkan bahawa laman web rasmi miliknya digodam namun menafikan data peribadi pelanggan syarikat itu berjaya diceroboh penggoda terbabit.

MAS turut memaklumkan bahawa insiden pencerobohan itu tidak menjejaskan tempahan tiket yang telah dibuat oleh pelanggan sebelum ini.

"Para pelanggan akan terus ke laman web penggoda sekiranya melayari www.malaysiaairlines.com namun ia tidak menjejaskan pelayan web.

"MAS telah menangani isu ini dengan pembekal yang menyediakan perkhidmatan pelayan laman web. Sistem dijangka pulih sepenuhnya dalam tempoh 22 jam dari sekarang," katanya.

Berikutan isu itu, MAS telah membuat laporan kes itu kepada **Cyber Security Malaysia** dan Kementerian Pengangkutan.

Bagaimanapun, penggoda kemudian mengeluarkan kenyataan me-



LAMAN web rasmi MAS digodam penjenayah kumpulan Khalifah Siber yang mendakwa mempunyai kaitan dengan kumpulan militan Islamic State. - Gambar hiasan

INFO Kronologi laman web MAS digodam

● **10 pagi** - Kali pertama laman web rasmi MAS, www.malaysiaairlines.com digodam oleh Cyber Caliphate yang juga mengaku daripada kumpulan Lizard Squad dengan terpaparnya gambar sebuah pesawat milik MAS Airbus A380

● **10.25 pagi** - Penggoda menukar imej pesawat Airbus A380 dengan gambar seekor cicak yang lengkap memakai sut hitam dan tertera satu mesej iaitu *404-Plane Not Found. Hacked by Lizard Squad* di paparan utama web berkenaan

● **10.45 pagi** - Laman web rasmi MAS kembali pulih

● **12 tengah hari** - Kembali diserang oleh Cyber Caliphate yang sekali lagi memaparkan gambar seekor cicak lengkap memakai sut hitam

● **1 petang** - Laman web berkenaan pulih dengan paparan seperti biasa namun pautan pada paparan utama masih gagal beroperasi

nerusi akaun Twitter bagi menafikan kenyataan MAS itu. Ia juga mengancam mahu mendedahkan lebih banyak data yang berjaya diperolehi daripada laman web syarikat penerbangan tersebut.

"Kenyataan media: Kami ingin menegaskan MAS telah berbohong tentang data pengguna yang tidak dikompromi, sila rujuk pautan imgur yang kami berikan sebelum ini.

"Kami akan mendedahkan data-data yang berjaya kami peroleh dalam pelayan <http://www.malaysiaairlines.com/> tidak lama lagi," demikian kemas kini akaun Twitter penggoda itu.



PAPARAN laman web MAS menggunakan gambar cicak memakai sut hitam selepas digodam Lizard Squad.



LAMAN web rasmi MAS kembali pulih pada pukul 1 petang semalam iaitu selepas hampir dua jam digodam.

Kami akan mendedahkan data-data yang berjaya kami peroleh dalam pelayan <http://www.malaysiaairlines.com/> tidak lama lagi

KEMAS KINI AKAUN TWITTER PENGGODAM

INFO Lizard Squad

● Merupakan kumpulan penggoda terkenal yang sering menyerang dan menggoda sistem permainan video dan rangkaian internet



● **18 Ogos 2014**

- Lizard Squad melakukan pencerobohan pertama pada server League of Legends yang menyebabkan permainan berkenaan tidak boleh dilayari

● **24 Ogos 2014** - Lizard Squad mendakwa bertanggungjawab terhadap serangan yang melumpuhkan sistem PlayStation Network

● **23 November 2014** - Kumpulan ini mendakwa menggoda permainan video terbaharu Destiny server

● **1 Disember 2014** - Xbox Live digodam dan mengakibatkan pengguna yang cuba mengakses perkhidmatan itu diberi kod gagal 80151909

● **8 Disember 2014** - PlayStation Network diserang sekali lagi oleh Lizard Squad dengan menyebabkan pelanggan yang mencuba untuk mengakses masuk akan menerima pesanan halaman tidak ditemui, bukan salah anda ia salah internet

● **26 Disember 2014** - Lizard Squad menghentikan serangan ke atas Xbox Live dan PlayStation Network selepas Kim Dotcom menawarkan 3,000 akaun ke atas perkhidmatan memuat naik mereka



27 JANUARI 2015
 6 RABIULAKHIR 1436H

SUBUH-SYURUK-ZUHUR-ASAR-MAGHRIB-AYAT

K. LUMPUR	6:08	7:28	1:29	4:50	7:26	8:39
SHAH ALAM	6:08	7:28	1:29	4:50	7:26	8:39
SEREMBAN	6:05	7:25	1:27	4:49	7:26	8:38
MELAKA	6:04	7:24	1:26	4:48	7:26	8:38
JOHOR BAHRU	5:57	7:17	1:20	4:42	7:20	8:33
IPOH	6:12	7:29	1:31	4:53	7:28	8:40
P. PINANG	6:15	7:33	1:33	4:55	7:29	8:41
ALOR SETAR	6:16	7:34	1:33	4:54	7:27	8:40
K. TERENGGANU	6:04	7:24	1:22	4:44	7:18	8:30
KOTA BHARU	6:13	7:29	1:26	4:47	7:21	8:29
KUANTAN	6:02	7:22	1:23	4:45	7:21	8:34
KANGAR	6:16	7:37	1:33	4:54	7:27	8:40
TAWAU	5:05	6:25	1:24	3:46	6:21	7:33
KOTA KINABALU	5:13	6:33	1:21	3:52	6:25	7:38
KUCHING	5:32	6:48	1:25	4:17	6:55	8:08
MIRI	5:19	6:35	1:29	4:01	6:37	7:49

*Kawasan-kawasan sewaktu dengannya

Laman web MAS jadi sasaran penggodam

SHAH ALAM – Laman web syarikat penerbangan MAS pagi semalam, menjadi sasaran kumpulan penggodam yang menggelar diri mereka Cyber Caliphate (Khalifah Siber).

Cubaan untuk mengakses laman web MAS pagi semalam, membawa pengguna ke halaman berlatar belakang hitam dengan tulisan merah berbunyi 404 – *Plane not found* (pesawat tidak ditemui).

Kebiasaannya, laman web yang tidak dapat diakses akibat tiada liputan internet akan mengeluarkan nota berbunyi 404 – *Page not found* (halaman tidak ditemui).

Kumpulan itu juga, memberi gambaran seolah-olah mereka mempunyai kaitan dengan kumpulan militan Negara Islam (IS) apabila menulis *ISIS will prevail* atau IS akan kekal pada bahagian 'tab' laman web MAS.

Bagaimanapun, laman web itu kembali pulih lebih kurang setengah jam selepas itu.

MAS dalam satu kenyataan semalam mengesahkan laman webnya dikompromi tetapi menjelaskan ia bukan digodam.

Menurut syarikat itu, pengguna yang cuba mengakses www.malaysia-airlines.com dialihkan ke laman web milik penggodam.

Syarikat itu turut memaklumkan masalah bersifat sementara itu tidak memberi kesan kepada tempahan pelanggan dan data pengguna juga masih selamat.

"Pelayan web kami pada masa ini masih utuh. Kami telah menyelesaikan isu ini dengan penyedia perkhidmatan (laman web) dan sistem ini dijangka pulih sepenuhnya dalam tempoh 22 jam.

"Insiden ini juga telah dilaporkan serta-merta kepada CyberSecurity Malaysia dan Kementerian Pengangkutan," menurut MAS.

Kaitan kumpulan itu dengan IS dan motif perbuatan godam itu tidak dapat disahkan.



BERITA ONLINE
BERNAMA.COM
TARIKH: 27 JANUARI 2015 (SELASA)



Laman Sesawang MAS Tidak Digodam

KUALA LUMPUR, 26 Jan (Bernama) -- Malaysia Airlines (MAS) memberi jaminan kepada pelanggan-pelanggan bahawa laman sesawangnya tidak digodam.

Syarikat penerbangan itu berkata gangguan sementara itu tidak menjejaskan tempahan pelanggan dan data mereka kekal selamat.

Dalam satu kenyataan, MAS berkata apa yang berlaku pelanggan yang melayari internet dan ingin memasuki laman sesawang syarikat itu www.malaysiaairlines.com telah dilencongkan ke laman sesawang penggodam.

"Setakat ini, pelayan Malaysia Airlines tidak diganggu," kata MAS.

Menurut kenyataan itu MAS telah menyelesaikan isu itu dengan penyedia perkhidmatan dan masalah laman sesawangnya dijangka dipulihkan sepenuhnya.

Ia berkata perkara itu telah dilaporkan segera kepada [CyberSecurity Malaysia](#) dan Kementerian Pengangkutan.

-- BERNAMA

